

Bil. S 73

PERINTAH PENERBANGAN AWAM, 2006
(S 63/2006)

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN), 2014

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan peraturan 1 dari S 69/2006.
 3. Pemasukan peraturan-peraturan 44A dan 44B baru.
-

**PERINTAH PENERBANGAN AWAM, 2006
(S 63/2006)**

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN), 2014

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5(1)/h/ dari Perintah Penerbangan Awam, 2006, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pindaan), 2014.

Pindaan peraturan 1 dari S 69/2006.

2. Peraturan 1 dari Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam, 2006, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda, dalam peraturan kecil (3), dengan memasukkan sejurus selepas takrifan “approved data” takrifan baru yang berikut —

“kawasan dengan penerbangan berasaskan prestasi tertentu” bermakna ruang udara, laluan atau prosedur yang telah diberitahu, ditetapkan atau pun selainnya ditentukan oleh pihak berkuasa yang layak bagi ruang udara yang menghendaki keupayaan prestasi penerbangan tertentu untuk dipenuhi oleh pesawat udara yang terbang di sana.”.

Pemasukan peraturan-peraturan 44A dan 44B baru.

3. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas peraturan 44 dua peraturan baru yang berikut —

“Penerbangan kawasan dan keupayaan prestasi penerbangan yang dikehendaki bagi pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam.

44A. Sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam tidak boleh terbang di kawasan dengan penerbangan berasaskan prestasi tertentu melainkan jika —

(a) pesawat udara itu dilengkapi dengan peralatan penerbangan yang mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

(b) pengendali telah dibenarkan oleh Pengarah; dan

(c) semasa pesawat udara itu terbang di ruang udara, di laluan atau menurut prosedur, ia hendaklah dikendalikan menurut prosedur pengendalian sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah:

Dengan syarat bahawa sesebuah pesawat udara mungkin tidak mematuhi kehendak-kehendak tersebut jika —

- (i) penerbangan itu telah dibenarkan oleh unit kawalan lalulintas udara yang berkenaan walaupun tidak mematuhinya; dan
- (ii) pesawat udara itu mematuhi apa-apa arahan yang mungkin diberikan dalam hal tertentu oleh unit kawalan lalulintas udara.

Penerbangan kawasan dan keupayaan prestasi penerbangan yang dikehendaki bagi pesawat udara yang tidak didaftarkan di Negara Brunei Darussalam.

44B. Sesebuah pesawat udara yang didaftarkan di luar Negara Brunei Darussalam tidak boleh terbang di kawasan dengan penerbangan berasaskan prestasi tertentu melainkan jika —

(a) pesawat udara itu dilengkapi dengan peralatan penerbangan bagi mematuhi undang-undang negara atau wilayah di mana pesawat udara itu didaftarkan setakat mana undang-undang itu menghendakinya dilengkapi demikian apabila terbang di kawasan dengan penerbangan berasaskan prestasi tertentu; dan

(b) peralatan itu dapat dikendalikan untuk membolehkan pesawat udara itu memenuhi prestasi yang dikehendaki dari segi berfungsinya, ketepatan, integriti, ketersediaan dan keberterusan penerbangan, dan pesawat udara itu dikendalikan demikian:

Dengan syarat bahawa sesebuah pesawat udara mungkin tidak mematuhi kehendak-kehendak tersebut jika —

- (i) penerbangan itu telah dibenarkan oleh unit kawalan lalulintas udara yang berkenaan walaupun tidak mematuhinya; dan
- (ii) pesawat udara itu mematuhi apa-apa arahan yang mungkin diberikan dalam hal tertentu oleh unit kawalan lalulintas udara.”.

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 20 haribulan Disember, 2014.

PEHIN ORANG KAYA HAMZAH PAHLAWAN
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDULLAH
BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR,
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.